



Headline: Pesara wanita rugi RM80,000 ditipu 'Sarjan Imran'  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 16 September 2020

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 13



AIBEE

## Pesara wanita rugi RM80,000 ditipu 'Sarjan Imran'

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

**SEREMBAN** – Seorang pesara wanita kerugian RM80,000 selepas diperdaya sindiket *Macau Scam* yang menyamar sebagai anggota polis awal bulan lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Ab. Ghani berkata, mangsa berusia 59 tahun itu didakwa dihubungi seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai 'Sarjan Imran'.

"Suspek memaklumkan mangsa terbabit dalam kes pengubahan wang haram dan disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA).

"Sarjan Imran kemudiannya menyambung panggilan mangsa kepada individu dikenali sebagai 'Inspektor Ridhwan' yang memintanya memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun bank untuk tujuan semakan," katanya ketika

ditemui baru-baru ini.

Menurut Aibee, mangsa dari Taman Warisan Puteri di sini yang bimbang dengan dakwaan itu telah terpedaya dan memasukkan wang RM80,000 melalui empat transaksi ke dalam akaun bank yang diberi.

"Difahamkan, mangsa berkomunikasi dengan pihak sindiket menggunakan aplikasi WhatsApp dan dimaklumkan wang akan dipulangkan segera selepas urusan selesai.

"Namun, mangsa menyedari ditipu beberapa hari kemudian, selepas menghubungi semula Sarjan Imran sebelum membuat laporan polis," katanya.

Jelasnya, susulan daripada kejadian tersebut polis menerima laporan bersangkut kes penipuan oleh individu sama yang menyamar sebagai Sarjan Imran di Pulau Pinang dan Lahad Datu.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.